

30/07/2001

Sarawak sambut baik status bank teras UBG

Amirullah Andi Nur

KERAJAAN Sarawak menyambut baik dan menghargai kesediaan Kerajaan Pusat untuk menimbangkan cadangan menganugerahkan status bank teras kepada Bank Utama Group Bhd (UBG), sebuah bank tempatan berpangkalan di Kuching.

Menteri Kewangan dan Kemudahan Awam negeri, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, berkata perkembangan positif itu menunjukkan Kerajaan Pusat sentiasa mengambil berat dengan kehendak dan pandangan penduduk negeri itu.

Beliau berkata, sekiranya Kerajaan Pusat bersetuju meluluskan cadangan itu, sudah tentu ia sesuatu yang menggembirakan bagi penduduk di wilayah ini.

Dr Chan yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, pemberian status bank teras kepada UBG adalah wajar, kerana ia sudah lama beroperasi di Sarawak dan diterima baik masyarakat peniaga di situ.

"Bukan saja bank itu sendiri memahami kedudukan pelanggan mereka, malah rakyat di Sarawak sendiri sudah lama mempunyai akses untuk berurusan dengan mereka.

"Inilah kelebihan ketara yang dimiliki bank ini," katanya mengulas kenyataan Perdana Menteri, berhubung perkara itu di Miri, semalam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, UBG yang sahamnya turut dimiliki kerajaan Sarawak berpeluang menjadi bank teras, sekiranya didapati memenuhi syarat ditetapkan.

Malah, Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan UBG turut berpeluang mengambil alih status bank teras daripada Bank RHB susulan pengambilalihan saham syarikat itu daripada Malaysia Resources Corporation Bhd (MRCB).

Dalam kenyataannya 23 Julai lalu, UBG berkata MRCB sudah menerima tawaran untuk membeli saham MRCB dalam Rashid Hussain Bhd (RHB) pada harga RM3.80 sesaham atau berjumlah RM399.483 juta tunai. RHB adalah syarikat induk Bank RHB.

Dalam kenyataan kepada Bursa Saham Kuala Lumpur, UBG berkata langkah pengambilalihan saham itu adalah sebahagian daripada cadangan skim penggabungan unit bank kedua-dua syarikat kumpulan RHB dan Utama.

Dalam perkembangan lain, Dr Chan berkata Perbadanan Perbekalan Elektrik Sarawak (SESCo) setakat ini masih belum menerima sebarang tawaran saham daripada Sarawak Hidro Sdn Bhd (SHSB).

SHSB adalah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan bagi melaksanakan projek Empangan Hidro Elektrik Bakun, di Wilayah Tengah Sarawak.

Projek itu yang bakal meningkatkan bekalan tenaga di Sarawak, selain kemungkinan di salurkan ke Sabah, Kalimantan dan Brunei dianggarkan bernilai lebih RM9 billion.

"Buat masa ini belum ada perkembangan terbaru mengenai perkara itu," katanya.

(END)